



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
Peti Surat 59,
35900 Tanjong Malim,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-4563410
05-4563420
Faks : 05-4563430
05-4563440
Laman : <http://www.mdtm.gov.my>

Ruj. Tuan	:	
Ruj. Kami	:	Bil(1)dLM.MDTM(L) 04/40/01 Jld.7
Tarikh	:	19 Syawal 1443
		20 Mei 2022

PENJAJA PASAR MALAM TANJONG MALIM

Tuan/Puan,

NOTIS PEMAKLUMKAN PEMBUKAAN SEPENUHNYA OPERASI PASAR MALAM TANJONG MALIM DI ZON A DAN ZON B BERMULA 28 MEI 2022

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan prosedur operasi standard bagi peralihan ke fasa endermik oleh Ketua Pengarah Kesihatan menurut Peraturan 17, Peraturan Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah Langkah Di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke Endemik) 2022 [P.U.(A) 83/2022], pihak Majlis melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan, Pengiklanan dan Penguatkuasaan Bil 1/2022 telah bersetuju untuk membuka sepenuhnya operasi Pasar Malam Tanjong Malim bermula 28 Mei 2022. Walau bagaimanapun pihak tuan/puan diminta untuk mengambil segala langkah yang perlu bagi penjagaan kendiri agar wabak penyakit ini terkawal seperti mana yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengelakkan penularan wabak kepada pihak pengunjung.

3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan diminta untuk menyemak senarai nama, nombor tapak dan lokasi tapak perniagaan di laman web pihak Majlis <https://www.mdtm.gov.my> bagi memastikan kedudukan tapak niaga di tempat yang telah ditetapkan. Sebarang pertukaran tapak adalah tidak dibenarkan dan penempatan ini adalah muktamad. Pihak tuan/puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran lesen sebelum operasi perniagaan dijalankan dengan kadar segera. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Bahagian Pelesenan di talian 05-4563410 / 05-4563420


4. Kegagalan pihak tuan/puan mematuhi arahan seperti yang dinyatakan di para 3 di atas, adalah menjadi suatu kesalahan di bawah peruntukan 20, Undang Undang Kecil Penjaja (MDTM) 1984 yang mana jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM 2,000.00 (Dua Ribu) atau penjara tidak lebih dari satu tahun atau kedua-duanya sekali dan denda berterusan sebanyak RM 200.00 (Dua Ratus) bagi setiap hari kesalahan itu dilakukan berterusan.

Ruj. Tuan	:	
Ruj. Kami	:	Bil(1)dlm.MDTM(L) 04/40/01 Jld.7
Tarikh	:	19 Syawal 1443
		20 Mei 2022

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD IKRAM BIN AHMAD., P.P.T)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Tanjung Malim.
SAR/mzms

s.k. Jabatan Penguatkuasaan, MDTM

“SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN”